

06/12/2000

Malaysia keluarkan syiling emas bulion

Kadir Dikoh

SHAH ALAM, Selasa - Malaysia akan mula mengilangkan duit syiling emas bulion yang dinamakan Kijang Emas mulai pertengahan Januari depan, untuk pasaran seluruh dunia.

Ia dihasilkan oleh syarikat milik penuh Bumiputera, Mariwasa Kraftangan Sdn Bhd (Mariwasa) yang mempunyai kepakaran dalam pengeluaran pingat anugerah, barangan perak, kemas dan pewter sejak menceburi bidang barangan berasaskan logam pada 1975.

Untuk menyertai peringkat antarabangsa dalam bidang penempaan, Mariwasa telah menubuhkan sebuah syarikat berasingan yang dinamakan, "The Royal Mint of Malaysia".

Pagi ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan bulion emas dalam tiga saiz iaitu 1 auns, 1/2 auns dan 1/4 auns dengan ketulenan 999.9 di sini.

Bercakap dalam sidang akhbar selepas majlis itu, Dr Mahathir berkata duit syiling bulion emas berkenaan akan dijual di serata dunia dan harganya akan ditentukan oleh harga pasaran semasa emas.

"Untuk negara yang tidak mempunyai kemudahan (penempaan) sendiri, kita berharap boleh memasarkan kemudahan ini kepada negara lain di rantau ini dan di mana saja.

"Penjualan itu bukan sahaja dalam bentuk bulion emas malah syiling lain dalam edaran," katanya.

Hadir sama Gabenor Bank Negara, Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz dan Pengarah Urusan The Royal Mint of Malaysia, Datuk Megat Wahab Megat Abu Bakar.

Bank Negara Malaysia menubuhkan Kilang Wang pada 1971 bagi memenuhi keperluan duit syiling negara.

Bank pusat itu kemudian mengambil keputusan menswastakan operasi Kilang Wang kepada syarikat Mariwasa Kraftangan Sdn Bhd. Mariwasa pula menubuhkan syarikat baru iaitu The Royal Mint of Malaysia untuk mengendalikan operasi Kilang Wang.

The Royal Mint of Malaysia dengan tenaga kerja sebanyak 46 orang dan mesin pengeluaran berumur sekitar 30 tahun, sudah mengeluarkan 70 juta keping sebulan duit syiling edaran biasa dan akan menjangkau sasaran 1.2 bilion keping tahun ini.

Terdahulu, dalam ucapannya Dr Mahathir memuji perkembangan Mariwasa yang bermula sebagai pengeluar pelbagai barangan kraftangan berasaskan logam dan kini mempunyai kepakaran mengeluarkan duit syiling biasa dan syiling emas bulion setanding dengan yang dikeluarkan negara lain di dunia.

Katanya, industri kraftangan mempunyai potensi untuk maju dan sememangnya kerajaan memberikan galakan kepada mereka yang ingin menceburi bidang itu.

Beliau berkata, banyak pembeli kecewa kerana produk kraftangan yang dihasilkan tidak dapat memenuhi keperluan, dan menasihatkan supaya proses pengeluarannya dibuat secara tersusun dan dalam kuantiti yang banyak, sama seperti pengeluaran barangan elektronik.

"Kita dapati banyak pengusaha tidak berusaha membesarkan industri kraftangan mereka dan sebaliknya berpuas hati dengan pengeluaran yang sedikit dan pendapatan yang sedikit," katanya.

Sementara itu, Megat Wahab berkata syarikat itu menjangka untuk mengilang syiling edaran untuk kira-kira enam negara asing menjelang tahun depan dan berharap dapat mengembangkannya pada masa depan.

"Kami kini sedang berunding dengan negara-negara ini dan ia termasuk

beberapa negara Asean dan negara-negara Afrika yang tidak mempunyai kilang wang," katanya.

The Royal Mint of Malaysia dikuasai oleh Megat Wahab dan isterinya yang juga memiliki Mariwasa Kraftangan Sdn Bhd.

Megat Wahab berkata kilang wang kedua syarikat itu di Titi Gantung, Perak dijangka siap akhir tahun depan dan dengan kemudahan tambahan itu, Malaysia boleh mengilang lebih banyak syiling edaran untuk negara lain.

(END)